

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/277022224>

PEMBAHAGIAN PUSAKA DI KALANGAN WARIS: PENDEKATAN AHP

CONFERENCE PAPER · MAY 2015

READS

300

4 AUTHORS:



[Mohd Khairy Kamarudin](#)

University of Malaysia, Kelantan

6 PUBLICATIONS 1 CITATION

[SEE PROFILE](#)



[Azwan Abdullah](#)

University of Malaysia, Kelantan

2 PUBLICATIONS 0 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



[Mohd Asrul Hery Ibrahim](#)

Universiti Malaysia Kelantan Kota Bharu Mal...

18 PUBLICATIONS 4 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



[Siti Fariha Muhamad](#)

University of Malaysia, Kelantan

7 PUBLICATIONS 1 CITATION

[SEE PROFILE](#)

PEMBAHAGIAN PUSAKA DI KALANGAN WARIS: PENDEKATAN AHP

Mohd Khairy Kamarudin¹, Mohd Asrul Hery Ibrahim²

Azwan Abdullah³& Siti Fariha Muhamad⁴

Abstrak

Pembahagian pusaka merupakan salah satu perkara penting bagi membangunkan ekonomi masyarakat Islam. Sekiranya pembahagian ini tidak dijalankan dengan kaedah yang betul, akan menyebabkan harta pusaka tersebut akan terbeku. Terdapat tiga kaedah pembahagian pusaka yang dibenarkan iaitu melalui pembahagian *faraid*, melalui kaedah *sulh* dan *takharruj*. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pemilihan pembahagian pusaka di kalangan waris dengan menilai keutamaan pemilihan pembahagian pusaka. Data diperoleh melalui soal-selidik dan terdapat seramai 65 orang responden. Data tersebut dinilai dengan menggunakan *Analytical Hierarchy Process* (AHP). Kajian ini mendapati, waris-warisan lebih cenderung untuk membahagikan pusaka melalui kaedah *faraid* berbanding kaedah yang lain. Kajian ini mencadangkan supaya masyarakat diberikan pendedahan berkaitan kaedah pembahagian pusaka yang lain supaya masyarakat dapat membahagikan pusaka tersebut mengikut kaedah yang paling sesuai dengan keperluannya.

Kata Kunci: Pusaka, Faraid

1. Pengenalan

Harta pusaka yang tidak dituntut merupakan salah satu masalah ekonomi umat Islam yang sangat membimbangkan. Akibatnya harta tersebut akan terbeku dan tidak dapat dimajukan. Kesan daripada pengabaian urusan pembahagian dan pentadbiran pusaka, ia boleh mencetuskan masalah seperti kes pemilikan beramai-ramai, tuntutan bertindih, harta terbiar tanpa diurus, kesulitan proses perbicaraan dalam pembahagian harta si mati dan risiko kehilangan dokumen hak milik si mati (Abdul Rashid & Yaakub, 2010). Kes waris yang berlapis juga merupakan salah satu kesan daripada kelewatan menuntut pusaka di mana pembahagian tersebut akan menjadi semakin rumit kerana melibatkan waris yang lebih ramai (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013). Akibat daripada harta yang tidak diuruskan atau penyelesaian agihan pusaka yang lewat, ia akan merugikan umat Islam kerana pembangunan harta tersebut akan terbengkalai walaupun harta tersebut sangat berpotensi untuk membangunkan sosio-ekonomi umat Islam (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013; Md Azmi & Sabit Mohammad, 2011; Shafie, Wan Yusoff, & Al-Edrus, 2014).

Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca yang menyebabkan harta terbeku. Antara faktor yang menyumbang kepada harta terbeku ialah kaedah pengurusan dan pentadbiran pusaka yang tidak efektif, sistem perundangan yang mengelirukan dan waris-warisan tidak mempunyai pengetahuan berkaitan pengurusan pusaka (Abdul Rashid & Yaakub, 2010; Shafie et al., 2014; Yaakub & Othman, 2012). Waris-warisan juga tidak memberikan kerjasama dan mempertikaikan pembahagian pusaka kerana terdapat rekod di Pejabat Tanah, pemilikan tidak dapat dipindah milik kepada waris kerana kesukaran untuk mendapatkan persetujuan waris-warisan lain akibat pergaduhan di kalangan waris untuk memilih siapa yang menjadi pemilik kepada tanah pusaka, waris yang hilang atau waris yang tidak diketahui (Buang, 2008; Halim & Arshad, 2014; Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013; Md Azmi & Sabit Mohammad, 2011). Maka tuntutan pusaka akan tertangguh sehinggalah semua waris memberikan kata sepakat (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013). Malah pembahagian harta pusaka berlaku di kalangan masyarakat Melayu dianggap rumit kerana wujudnya kepelbagaian dalam pelaksanaan pembahagian itu sendiri dan sikap waris-warisan tidak menyegerakan proses tuntutan harta tersebut (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013; Yaakub & Othman, 2012). Malah jika pengurusan ini tidak dijalankan dengan baik, hak-hak wanita tidak akan terbela walaupun Allah telah menetapkan hak mereka di dalam undang-undang *faraid* (Sulong, 2006). Oleh itu, waris-warisan perlulah bertolak ansur dan saling bekerjasama bagi memudahkan proses tuntutan dan pembahagian pusaka (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013).

¹ Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan, khairy.k@umk.edu.my

² Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan hery.i@umk.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Kelantan azwan.a@umk.edu.my

⁴ Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan fariha@umk.edu.my

Kekurangan pengetahuan berkaitan pengurusan pusaka juga ini menyebabkan waris-waris tidak tahu bagaimana untuk memulakan proses tuntutan dan pengagihan pusaka (Md Azmi & Sabit Mohammad, 2011; Wan Hassan, Alias, Muslim, Yunus, & Umar, 2014). Hal ini disebabkan masyarakat kurang diberikan pendedahan dan kesedaran terhadap proses tersebut serta tidak diberikan garis panduan yang tepat khusus dalam tuntutan pusaka (Abdul Rashid & Yaakub, 2010; N Noordin, Shuib, Zainol, & Mohamed Adil, 2012; Noraini Noordin, Shuib, Zainol, & Mohamed Adil, 2013). Oleh yang demikian, masyarakat perlulah dididik hal-hal berkaitan pusaka Islam (Hamidi, 2008). Terdapat cadangan untuk membangunkan pendidikan *faraid* di peringkat pengajian rendah, menengah atau tinggi kerana pada masa kini, pendidikan sekolah rendah dan menengah hanya tertumpu pada perkara asas di dalam agama dan tidak banyak menyentuh tentang ilmu *faraid* (Alma'amun, 2010; Noraini Noordin et al., 2013; Shafie et al., 2014). Oleh yang demikian pihak kerajaan disyorkan untuk menyemak polisi pendidikan pengajian Islam dan meluaskan skop kesedaran masyarakat meliputi pendidikan sekolah dan universiti terhadap pengetahuan untuk mentadbir dan mengurus pusaka (Noraini Noordin et al., 2013). Pengetahuan berkaitan pusaka perlulah ditekankan kerana ia memberikan pengaruh yang kuat terhadap sikap pengurusan pusaka (Ismail, Hashim, Kamis, Harun, & Abdul Samad, 2013).

Dari sudut pembahagian pusaka, asas kepada pembahagian pusaka bagi umat Islam di Malaysia adalah berdasarkan pembahagian *faraid*, walaupun dari sudut pentadbiran pusaka berdasarkan undang-undang sivil. Manakala bagi kes bukan Islam, Akta Pembahagian 1958 akan diguna pakai (Halim & Arshad, 2014; Wan Harun, 2009). Terdapat masalah di dalam pembahagian *faraid* di mana tiada undang-undang khusus yang memberikan garis panduan berkaitan pembahagiannya. Keputusan pembahagian *faraid* kemungkinan akan berbeza disebabkan pegawai pentadbir pusaka hanya merujuk kepada kitab-kitab *faraid* yang mempunyai berlainan pandangan terhadap isu-isu tertentu (Wan Harun, 2009). Malah, apabila pihak waris sepakat untuk mendapatkan Sijil *Faraid* di Mahkamah Syariah, maka waris-waris perlu menghadapi dua kali perbicaraan iaitu perbicaraan untuk mendapatkan Sijil *Faraid* dan perbicaraan untuk pembahagian pusaka walaupun pada hakikatnya perbicaraan untuk pembahagian pusaka tidak memerlukan Sijil *Faraid* kerana Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 tidak memperuntukkan keperluan untuk mendapatkan Sijil *Faraid* (Wan Harun, 2009). Hal ini akan menyebabkan proses tuntutan pusaka akan menjadi lebih lambat walaupun pada masa kini terdapat sistem *e-faraid* yang telah dibangunkan untuk memberikan gambaran awal kepada waris-waris untuk mengetahui bahagian mereka di dalam pusaka (N Noordin et al., 2012).

Dari sudut masyarakat, kebanyakan mereka tidak memahami pembahagian *faraid* dan telah menyempitkan pemakaian hukum tersebut sehingga mengakibatkan pelaksanaannya menjadi tidak praktikal. Pemahaman pembahagian *faraid* secara literal akan menyebabkan pemecahan tanah pusaka kepada bahagian-bahagian kecil sehingga menyebabkan harta tersebut kurang bernilai atau saiz tanah yang kecil tetapi mempunyai ramai pemilik hingga menyebabkan tanah tersebut sukar untuk dibangunkan (Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Abdul Rashid & Yaakub, 2010; Sulong & Taha, 2016). Jika terdapat dua atau lebih milikan bersama terhadap sebidang tanah akan menjadikan tanah tersebut sukar dibangunkan kerana pembangunan tersebut memerlukan persetujuan yang lain bagi tujuan pembangunan atau urus niaga. Sekiranya tidak mendapat persetujuan yang lain, maka tanah tersebut tidak boleh dibangunkan (Sulong & Taha, 2016).

Namun begitu, hakikatnya sistem *faraid* tidak menjadi punca berlakunya pecahan tanah kerana Islam telah menentukan hak-hak waris terhadap pusaka si mati, terpulang kepada waris untuk tentukan bagaimana pemilikan harta berdasarkan hak yang telah ditentukan (Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013). Masyarakat juga mempunyai persepsi yang salah di mana beranggapan hanya sistem *faraid* sahaja yang ada bagi tujuan pembahagian harta dan pembahagian ini wajib diikuti (Ab Aziz, Nooh, Khairi, & Johari, 2014). Sikap orang ramai yang beranggapan, hanya *faraid* sebagai jalan pembahagian pusaka turut menyumbang kepada masalah tuntutan pusaka sehingga terdapat rungutan dari pihak pentadbir pusaka terhadap masalah pembahagian *faraid* (Buang, 2009; Md Azmi & Sabit Mohammad, 2011; Md Yusof, 2008).

Kesan daripada masalah pentadbiran pembahagian pusaka melalui *faraid*, timbul alternatif kepada pembahagian *faraid* di kalangan waris iaitu melalui pendekatan muafakat dan *takharruj*. Pembahagian muafakat ini boleh diaplikasikan apabila setiap waris bersetuju secara sebulat suara. Pembahagian ini sama ada dalam bentuk membahagikan harta secara sama rata (berdasarkan lot-lot tertentu) atau memberi waris tertentu bahagian yang lebih besar seperti kepada ibu atau adik-beradik perempuan (Sulong, 2011). Pengagihan melalui konsep *takharruj* boleh diaplikasikan dengan menarik diri atau melepaskan hak mereka terhadap pembahagian *faraid* tanpa syarat bayaran ganti rugi, dengan syarat balasan yang lain (balasan diambil daripada harta waris atau balasan diambil daripada harta pusaka) atau melalui perjanjian. Kaedah ini dapat mengelakkan pemecahan harta pusaka kepada lot-lot kecil yang kurang memberi nilai dan manfaat (Abdul Rashid & Yaakub, 2010; Buang, 2008; Mat Hussain & Nor Muhamad, 2013; Sulong, 2011; Wan Harun, 2006).

Dari sudut perundangan, Seksyen 15(5) dan Jadual Pertama Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil, pembahagian dibuat tanpa mengikut pembahagian *faraid* adalah dibenarkan dengan syarat wujud persetujuan semua ahli waris selepas berlakunya kematian (Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Wan Harun, 2009). Oleh yang demikian, pegawai pusaka perlu membenarkan pembahagian dibuat melalui persepakatan (Wan Harun, 2009). Malah, kajian ini mendapati berdasarkan borang DDA (Peraturan 4A), terdapat tiga cara pembahagian harta pusaka iaitu mengikut hukum *faraid*, mengikut persetujuan waris-


waris yang lain atau melepaskan kepentingan atau bahagiannya kepada individu tertentu. Amalan muafakat tidak menyalahi hukum Islam kerana Islam menganjurkan amalan berunding melalui kaedah *sulh* (Abdul Rashid & Ahmad, 2013). Namun begitu, konsep *takharri* kurang diamalkan kerana masyarakat masih lagi dikongkong oleh cara pembahagian yang sempit (Abdul Rashid & Yaakub, 2010).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pemilihan pembahagian pusaka yang bakal mereka terima. Berdasarkan kajian lepas, terdapat tiga kaedah pembahagian iaitu pembahagian melalui *faraid*, persepakatan (persetujuan) atau melepaskan hak. Kajian ini menggunakan *Analytical Hierarchy Process* (AHP) bagi mendapatkan gambaran yang tepat bagaimana waris-waris menilai pemilihan pembahagian pusaka yang mereka terima di mana responden-responden perlu menilai keutamaan pemilihan pembahagian pusaka tersebut sama ada memilih untuk membahagikannya mengikut *faraid*, persepakatan atau pelepasan hak.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengkaji pemilihan pembahagian pusaka di kalangan waris. Analisis yang digunakan ialah *Analytical Hierarchy Process* (AHP) kerana kaedah tersebut dapat memberikan gambaran yang tepat bagi membuat sesuatu keputusan (Abduh & Omar, 2012). AHP juga membolehkan seseorang keputusan menzahirkan pengukuran kualitatif mereka dalam bentuk kuantitatif (Pandey & Bansal, 2004).

Kajian ini menggunakan soal-selidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A demografi dan Bahagian B pemilihan pembahagian pusaka. Terdapat tiga langkah untuk menjalankan ujian AHP ini iaitu pembentukan hierarki, penetapan keutamaan dan kekonsistenan logika (Wang, Lin, & Huang, 2008)



Gambar Rajah 1: Pembentukan Hierarki Pembahagian Pusaka

Manakala penetapan keutamaan (*priority setting*) adalah berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: *Pairwise Comparison Scale* AHP

Pengkadaran Numerikal	Pemilihan pembahagian
1	Pemilihan yang sama
3	Sederhana memilih
5	Lebih memilih
7	Sangat memilih
9	Sangat-sangat memilih
2, 4, 6,8	Sederhana

3. Dapatan kajian dan perbincangan

Terdapat seramai 65 orang responden di dalam kajian ini di mana responden lelaki seramai 15 orang dan responden perempuan seramai 50 orang. Responden yang sudah berkahwin kurang daripada responden yang sudah berkahwin iaitu seramai 22 orang berbanding 43 orang responden bujang.

Jadual 2: Demografi

Demografi	Kekerapan
Jantina	
Lelaki	15
Perempuan	50
Status Perkahwinan	
Bujang	43
Berkahwin	22

Jadual 3 menunjukkan *Geometric Mean* bagi agregat keutamaan individu berdasarkan *pairwise comparisons* bagi tiga kategori yang berbeza iaitu responden lelaki, responden perempuan dan keseluruhan responden.

Jadual 3: Agregat Priorities Matrix Individu Melalui Geometric Mean

	Lelaki (n=15)		
	<i>Faraid</i>	Mengikut Persetujuan	Pelepasan Hak
<i>Faraid</i>	1.00000000	2.95535649	4.76697515
Persepakatan	0.33836865	1.00000000	1.96192639
Pelepasan Hak	0.20977663	0.50970312	1.00000000

	Perempuan (n=50)		
	<i>Faraid</i>	Mengikut Persetujuan	Pelepasan Hak
<i>Faraid</i>	1.00000000	4.60750528	4.24299845
Persepakatan	0.21703719	1.00000000	2.81261647
Pelepasan Hak	0.23568239	0.35554083	1.00000000

	Keseluruhan (n=65)		
	<i>Faraid</i>	Mengikut Persetujuan	Pelepasan Hak
<i>Faraid</i>	1.00000000	4.15872898	4.35855847
Persepakatan	0.24045808	1.00000000	2.58828318
Pelepasan Hak	0.22943365	0.38635649	1.00000000

Jadual 4 pula menunjukkan *Priority Vector* dan nisbah konsisten (*consistency ratio*). Penilaian dikira sebagai konsisten berdasarkan nilai nisbah konsisten (*consistency ratio*). Nilai nisbah konsisten ialah nisbah *consistency index* (CI) dan *random consistency index* (RI). Pengukuran konsisten ini digunakan untuk menilai konsisten pembuat keputusan dan konsisten keseluruhan hierarki. Nilai 10% dikira tahap maksimum bagi menunjukkan konsisten yang boleh diterima (Wang et al., 2008). Kajian ini mendapati *consistency ratio* bagi keseluruhan responden ialah 10%, maka kajian ini menunjukkan dapatan yang konsisten. Namun begitu, kajian ini mendapati responden perempuan tidak memberikan keputusan yang konsisten (>10%) berbanding lelaki (<10%).

Berdasarkan *priority vector*, pembahagian pusaka melalui pembahagian *faraid* (74.72%) merupakan pilihan utama waris-warisan diikuti dengan pembahagian mengikut persetujuan (25.28%) dan pelepasan hak (15.67%). Dalam erti kata yang lain, seseorang waris akan lebih memilih pembahagian *faraid* 2.8 (0.627/0.2324) kali ganda berbanding mengikut persetujuan dan memilih pembahagian *faraid* 5.68 (0.6527/0.1149) kali ganda berbanding melepaskan haknya.

Jadual 4: *Priority Vector* Bagi Kesemua Pilihan Hierarki Keputusan

	Lelaki	Perempuan	Keseluruhan Pemberat
<i>Faraid</i>	74.72%	74.82%	65.27%
Persepakatan	25.28%	25.18%	23.24%
Pelepasan Hak	15.67%	13.29%	11.49%
CR	0.00	0.12	0.10

Kajian ini menunjukkan pembahagian *faraid* masih menjadi pilihan utama waris-waris dalam membahagikan harta pusaka berbanding pembahagian yang lain (mengikut persetujuan atau pelepasan hak). Hal ini disebabkan kemungkinan waris-waris berpandangan hanya sistem *faraid* sahaja boleh diaplikasikan berbanding kaedah yang lain (rujuk Ab Aziz, Nooh, Khairi, & Johari, 2014). Namun pembahagian *faraid* juga boleh menyebabkan perbalahan di kalangan waris sekiranya tidak benar-benar memahami kaedah pembahagian tersebut (rujuk Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Abdul Rashid & Yaakub, 2010; Sulong & Taha, 2016).

Malah, kajian ini juga mengukuhkan pandangan bahawa konsep *takharruj* kurang diamalkan kerana masyarakat masih lagi dikongkong oleh cara pembahagian yang sempit (rujuk Abdul Rashid & Yaakub, 2010). Oleh yang demikian, waris-waris perlulah diberikan pendedahan bahawa pembahagian pusaka tidak hanya bergantung pada pembahagian *faraid*, tetapi terdapat kaedah yang lain iaitu mengikut persetujuan dan melepaskan hak.

4. Kesimpulan

Kajian ini menggunakan pendekatan *Analytical Hierarchy Process* dalam mendapatkan gambaran terhadap kaedah-kaedah yang menjadi pilihan waris-waris dalam membahagikan harta pusaka. Kajian ini mendapati, waris-waris lebih cenderung untuk memilih membahagikan pusaka mengikut pembahagian *faraid* berbanding melalui pembahagian mengikut persepakatan atau melepaskan hak. Namun begitu, kajian ini hanya menunjukkan pemilihan pembahagian pusaka di kalangan waris. Kajian lanjutan boleh dijalankan dengan mengkaji faktor-faktor yang memberi kesan pemilihan pembahagian tersebut. Kajian ini dapat membantu pihak-pihak berkaitan bagi memberikan nasihat kepada waris-waris dalam membahagikan pusaka. Pelbagai usaha perlu dipertingkatkan untuk memberikan penjelasan kepada masyarakat kaedah-kaedah yang boleh diaplikasikan dalam membahagikan pusaka selain pembahagian *faraid*. Hal ini disebabkan, waris-waris masih mempunyai ruang untuk membahagikan pusaka tersebut mengikut keperluan mereka.

Rujukan

- Ab Aziz, M. R., Nooh, M. N., Khairi, K. F., & Johari, F. (2014). A review on literatures in planning and managing of Islamic wealth distribution. *Library Philosophy and Practice*, (1144), 1–9.
- Abduh, M., & Omar, M. A. (2012). Islamic-bank selection criteria in Malaysia: An AHP Approach. *Business Intelligence Journal*, 5(2007), 271–281.
- Abdul Rashid, R., & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan harta melalui hibah: Kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 91–104.
- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. (2010). Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2).
- Alma'amun, S. (2010). Islamic estate planning: Malaysian experience. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2(March), 165–185.
- Buang, A. H. (2008). Appreciation of Syariah principles in property management in contemporary Malaysia society. *Jurnal Syariah*, 16, 555–566.
- Buang, A. H. (2009). Pengurusan harta keluarga mengikut Islam dan realiti semasa di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, 2, 1–15.
- Halim, A. H., & Arshad, A. (2014). Penentuan harta pusaka di Malaysia, Kajian dari perspektif undang-undang Sivil dan Syariah. *Kanun*, 26(2), 153 – 172.
- Hamidi, A. Z. (2008). Membangun ekonomi ummah menerusi instrumen faraid dan hibah. *Jurnal Muamalat*, 1, 1–8.
- Ismail, S., Hashim, N., Kamis, R., Harun, H., & Abdul Samad, N. N. (2013). Determinants of attitude towards estate planning in Malaysia: An empirical investigation. *Procedia Economics and Finance*, 00, 1–9.
- Mat Hussain, N., & Nor Muhamad, N. H. (2013). Mekanisme pembahagian harta pusaka tanah rancangan: Kajian di Felda Taib Andak, Kulai Johor. *Kanun*, 25(1), 1–21.
- Md Azmi, F. A., & Sabit Mohammad, M. T. (2011). The causes of unclaimed, late claimed or distributed estates of deceased Muslims in Malaysia. In *International Conference on Sociality and Economics Development* (Vol. 10, pp. 440–444). Singapore.
- Md Yusof, N. (2008). Hukum wisoyah & realiti permasalahannya dalam konteks perancangan pusaka Islam. *Jurnal Muamalat*, 1, 73–102.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., & Mohamed Adil, M. A. (2012). Review on issues and challenges in Islamic inheritance distribution in Malaysia. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 3(12), 27–38.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., & Mohamed Adil, M. A. (2013). Delay in Islamic inheritance claim - An Ignorance issue. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90(InCULT 2012), 504–512. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.120>
- Pandey, V., & Bansal, V. (2004). A decision-making framework for IT outsourcing using the Analytic Hierarchy Process. *Proceedings of the 1st International Conference on Systemics, Cybernetics and Informatics*, 1, 528–533.
- Shafie, F., Wan Yusoff, W. Z., & Al-Edrus, S. M. D. (2014). Pengurusan harta tanah di Malaysia menurut perspektif Islam: Isu dan cabaran bagi pewarisan harta dalam konteks pembangunan modal insan. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan* (Vol. 2014, pp. 1–17). Batu Pahat, Johor.
- Sulong, J. (2006). Kedudukan wanita dalam pembahagian pusaka. *Jurnal Syariah*, 14(1971), 121–143. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/7537/>
- Sulong, J. (2011). *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sulong, J., & Taha, M. M. (2016). Implications of multiple land ownership in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(5), 2014–2017. <http://doi.org/10.7763/IJSSH.2016.V6.681>
- Wan Harun, W. A. H. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Hulu Kelang, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Harun, W. A. H. (2009). Isu-isu pembahagian harta pusaka orang Islam dalam konteks perundangan Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 160–187.
- Wan Hassan, W. Z., Alias, J., Muslim, N., Yunos, N., & Umar, A. (2014). The practice of interfaith inheritance distribution in Malaysia: An analysis of its fatwa. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 22(3), 464–469. <http://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.22.03.21884>
- Wang, J.-J., Lin, Z.-K., & Huang, H. (2008). A decision model for information systems outsourcing: Using a multicriteria method. *Journal of Service Science and Management*, 01(01), 1–10. <http://doi.org/10.4236/jssm.2008.11001>
- Yaakub, M. B., & Othman, K. (2012). Konflik pembahagian harta pusaka (Al-Mirath) dan krisis identiti dalam institusi kekeluargaan masyarakat Melayu: Satu tinjauan dari perspektif Islam. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 00, 1–19.